



PERAK
JABATAN MUFTI NEGERI PERAK

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

KENYATAAN RASMI BIL. 4/2020

PERLAKSANAAN IBADAH KETIKA MELAKSANAKAN TUGASAN BAGI KES-KES YANG KRITIKAL (COVID 19) BAGI PETUGAS PERUBATAN

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 153 :

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا اسْتَعِينُوا بِالصَّبْرِ وَالصَّلَاةِ إِنَّ اللَّهَ مَعَ الصَّابِرِينَ ﴿١٥٣﴾

Bermaksud : “ Wahai sekalian orang-orang yang beriman! Mintalah pertolongan (untuk menghadapi susah payah dalam menyempurnakan sesuatu perintah Tuhan) dengan bersabar dan dengan (mengerjakan) sembahyang; kerana sesungguhnya Allah menyertai (menolong) orang-orang yang sabra. ”

Jabatan Mufti Negeri Perak menasihatkan secara umum terutama kepada "frontliner" atau petugas yang menangani wabak Covic 19 daripada Kementerian Kesihatan Malaysia atau pihak swasta dalam Negeri Perak terhadap keperluan asas seseorang Muslim terhadap pemeliharaan tanggungjawab terhadap Allah SWT. Kepada Allah jua segala pemeliharaan. Berikut beberapa peringatan untuk diamatkan oleh pihak-pihak yang terlibat :

1. Bekerja kerana Allah SWT

Sabda Nabi SAW :

خَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Bermaksud : “ Sebaik-baik manusia adalah yang memberi banyak manfaat kepada manusia.”

Pekerjaan yang mulia boleh ditambah nilai dengan niat yang baik kerana Allah SWT seterusnya memberi keluasan bagi meraih ganjaran pahala daripada Allah SWT.

2. Melaksanakan ibadat solat

a) Asasnya solat merupakan suatu tuntutan yang wajib dilaksanakan berdasarkan firman Allah SWT dalam surah an-Nisa' ayat 103 :

إِنَّ الصَّلَاةَ كَانَتْ عَلَى الْمُؤْمِنِينَ كِتَابًا مَّوْقُوتًا ﴿١٠٣﴾

Bermaksud: “ Sesungguhnya solat itu adalah fardu yang ditentukan waktunya atas orang-orang yang beriman. ”

Justeru, wajib mendahulukan pelaksanaan solat dengan sempurna (tamam) dan haram serta berdosa besar meninggalkan dan menjamakkannya **tanpa sebab yang diharuskan Syarak**.

- b) Jika dibebani kekangan waktu dan hanya berkemampuan melaksanakan solat pada pengakhiran waktu maka, haruslah dilaksanakan solat dengan cara dilewatkan pelaksanaan solat Zohor atau Maghrib sehingga ke akhir waktu serta solat Asar dan Isyak di awal waktu.
- c) Ketika keadaan mendesak, sulit atau sukar (masyaqqah) untuk melaksanakan solat secara sempurna (tamam) atau di akhir waktu maka, diberi keringanan kepada petugas dan orang yang sakit seperti berikut :
 - i) Melaksanakan solat jamak tanpa qasar samada jamak taqdim sekiranya dijangka kesukarannya atau sakitnya akan menghalangnya atau menyukarkannya pada waktu asar ;
 - ii) Melaksanakan jamak ta'khir sekiranya dijangka kesukarannya atau sakitnya akan menghalangnya atau menyukarkannya pada waktu zohor.
 - iii) Namun, sekiranya tidak mampu juga untuk melaksanakan solat kerana darurat bagi menyelamatkan nyawa pesakit yang membawa kepada luputnya waktu solat atau kesukaran menanggalkan pakaian khas untuk berwuduk atau bertayammum maka, hendaklah dilaksanakan solat hormat waktu secara jamak ta'khir dan hendaklah diulang secara sempurna di masa yang lain.

3. Sentiasa berdoa kepada Allah SWT.

Sebagai hamba yang lemah kita berhajat kepada Allah SWT dalam semua urusan maka senantiasalah berdoa kehadratNya agar dijauhkan daripada wabak Covid 19 dan wabak-wabak yang lain sepertimana yang dianjurkan oleh Rasulullah SAW antaranya :

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُ بِكَ مِنَ الْبَرَصِ، وَالْجُنُونِ، وَالْجُدَامِ، وَمِنْ سَيِّئِ الْأَسْقَامِ

Bermaksud : “ Ya Allah, aku berlindung dengan Mu daripada penyakit sopak, gila, kusta dan penyakit-penyakit yang buruk. ”

بِسْمِ اللَّهِ الَّذِي لَا يَضُرُّ مَعَ اسْمِهِ شَيْءٌ فِي الْأَرْضِ
وَلَا فِي السَّمَاءِ، وَهُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ

Bermaksud : “ Dengan nama Allah yang dengan nama-Nya, tidak ada satu pun yang dapat memberi kemudahan di bumi mahupun di langit, Dia-lah Yang Maha Mendengar lagi lagi Maha Mengetahui. ”

Jabatan Mufti Negeri Perak merakamkan setinggi penghargaan dan ucapan jazakumullahu khairan kathira kepada para “*frontliner*” dan seluruh petugas Covid 19. **Kepada para pesakit yang didapati positif kami iringi dengan doa dan harapan agar dipelihara dan dipermudahkan segala urusan.**

Disediakan oleh : Jabatan Mufti Negeri Perak